

# NOTIS IKLAN SEBUT HARGA (BEKALAN / PERKHIDMATAN / KERJA)



PEJABAT PERTANIAN BAHAGIAN SERIAN  
TINGKAT 1, PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN SARAWAK  
(BAHAGIAN SERIAN), JALAN PENGARAH RAHUN DEBAK,  
94700 SERIAN, SARAWAK  
Telefon: 082-892088 Faks: 082-892080  
Laman Web: <https://doa.sarawak.gov.my>



Komuniti Agro Lestari

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada Kontraktor yang berdaftar dengan **Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)** dalam **Kategori** dan **Jenis Pendaftaran** yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah untuk membuat tawaran buat masa ini bagi bekalan/perkhidmatan berikut:-

No. Ruj. Sebut Harga	Tajuk Sebut Harga	Pendaftaran Kategori, Kepala & Sub- Kepala	Yuran Dokumen (RM)	Lawatan Tapak	Tarikh Tutup Pengambilan / Penjualan Dokumen Sebut Harga	Tarikh Tutup Dan Masa Penyerahan Dokumen Sebut Harga
AGR/BHG/SER/STATE/2025/SH 4	Menaiktaraf Jalan Pertanian Sisim (Jalan Pichin-Jenan) Kampung Pichin, Serian.	UPKJ Kelas: F Kepala : III Sub-kepala : 1(d)	RM10.00	11/03/2025 (Selasa) 2.00 petang (WAJIB) Kampung Pichin, Serian (Tel; 019-8907087) En. Muhamad Jamil Bin Emi	Tarikh Dieder: Selepas Lawatan Tapak hingga 24/03/2025	24/03/2025 sebelum 12.00 tengahari

2. Dokumen Sebut Harga hanya akan dijual kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik / Rakan Kongsi / Pengarah Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah mengemukakan **SiJil Asal Dan Satu (1) salinan :-**

- LESEN UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ) (Wajib)**
- SIJIL PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA** (jika berkenaan)
- ORDINAN NAMA-NAMA PERNIAGAAN (BAB 64) SIJIL PENDAFTARAN (R.22)** (jika berkenaan)
- SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA BORANG 13 AKTA SYARIKAT 1965** (jika berkenaan)
- ORDINAN PERNIAGAAN, PROFESION DAN PERLESENAN PERDAGANGAN (I.R.D. NO.7) (Wajib) DAN**
- SURAT PERWAKILAN KUASA** (Jika Berkenaan)

3. Pelesen (kontraktor berdaftar) syarikat atau wakil syarikat yang dilantik dengan surat lantikan sah **WAJIB** menghadiri taklimat tapak atau lawatan tapak, kegagalan untuk berbuat demikian akan menyebabkan syarikat tidak layak untuk mengikuti sebutharga. Sesebuah syarikat hanya layak menghantar seorang wakil sahaja. Kesemua Pelesen (kontraktor berdaftar) syarikat ataupun wakil syarikat wajib menandatangani (bersama cop rasmi syarikat) borang kehadiran ke taklimat.

4. Bayaran yuran Dokumen Sebut Harga hendaklah dibuat dalam bentuk **Draf Bank** atau **Kiriman Wang Pos (Money Order)** atau **Wang Kiriman Pos Beralang (Postal Order)** atau **Sarawak Pay** yang dibayar atas nama **Kerajaan Negeri Sarawak**.

5. **Contoh Dokumen Sebut Harga boleh disemak dan Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi mulai selepas lawatan tapak hingga 24/03/2025 pada waktu pejabat Isnin hingga Khamis (8.30 a.m-12.00 p.m) / 2.00 p.m-4.00 p.m), Jumaat (8.30 a.m-11.30 a.m / 2.15p.m – 4.00p.m) di alamat Unit Perolehan, Pejabat Pertanian Bahagian Serian, Tingkat 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Sarawak (Bahagian Serian), Jalan Pengarah Rahun Debak, 94700 Serian, Sarawak. Dokumen sebutharga tidak akan dijual kepada Kontraktor yang tidak hadir ke taklimat pada tarikh dan masa yang ditetapkan.**


6. Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan sendiri oleh Pemilik / Wakil Syarikat / Firma ke dalam Peti Tawaran dengan menggunakan **sampul berlakri** serta mempunyai catatan **Nombor** dan **Tajuk Sebut Harga**. Dokumen Sebut Harga hendaklah diserahkan selewat-lewatnya **jam 12.00 tengahari** pada tarikh tutup di alamat seperti di bawah:-

Pengerusi  
c/o Jawatankuasa Sebut Harga (Bahagian Serian)  
d/a Pejabat Pertanian Bahagian Serian, Tingkat 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Sarawak  
(Bahagian Serian), Jalan Pengarah Rahun Debak,  
94700, Serian, Sarawak.

7. Dokumen Sebut Harga yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.

8. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.

9. Iklan Sebut Harga ini juga boleh diperolehi di dalam laman sesawang Jabatan Pertanian Sarawak. Sila layari [www.doa.sarawak.gov.my](http://www.doa.sarawak.gov.my).



WILLIE PETER  
Pegawai Pertanian Bahagian Serian

Tarikh: 05 MAR 2025

*Nota Penting:* Notis Sebut harga ini hendaklah dipamerkan di Papan Kenyataan Kementerian / Jabatan tujuh (7) hari berturut-turut sepanjang tempoh pelawaan sebut harga.